

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JHH 355 - Dunia Islam Pada Zaman Moden

Masa : [3 jam]

---

Pilih EMPAT (4) soalan sahaja. Semua soalan mempunyai  
markah yang sama.

... 2/-

1. Ulaskan tentang persaingan antara Islam dengan sekularisme di Turki dengan melihat kepada perjuangan Ustaz Badi'uzzaman Sa'id Nursi!

(100 markah)

2. Jamaluddin al-Afghani terkenal sebagai seorang pejuang pan-Islamisme yang gigih. Tetapi, mengapakah beliau gagal untuk merealisasikan impiannya, iaitu untuk menyatupadukan umat Islam pada masa hayatnya?

(100 markah)

3. Bincangkan tentang pemikiran Sir Sayyid Ahmad Khan sebagai seorang modenis!

(100 markah)

4. Bincangkan tentang peranan Maulana Maududi sebagai seorang mujaddid (pembaharu) dengan mengaitkannya kepada program Jamaat-e Islami!

(100 markah)

5. Bincangkan tentang Dasar Islam (Islamic Policy) yang dipelopori oleh Snouck Hurgronje di Indonesia!

(100 markah)

6. Tanzimat adalah satu program reformasi yang tidak seimbang. Komen!

(100 markah)

7. Bincangkan bagaimana Muhammad Reza Shah Pahlavi dapat menyelamatkan Iran daripada campurtangan Komunis Rusia selepas Perang Dunia Kedua!

(100 markah)

8. Ulaskan tentang ancaman Zionisme sebagai salah satu cabang daripada imperialisme Barat sehingga terbentuknya negara Israel!

(100 markah)